

06/06/1999

Makmal latih pembedahan

Raihanah Abdullah

JIKA suatu ketika dulu doktor tidak diberi penekanan mengenai cara betul memegang pisau atau gunting apabila melakukan pembedahan, tetapi perkembangan sains dan teknologi, mengubah segalanya.

Dulu seorang pendita mungkin hanya memberitahu secara teori mengenai kaedah melakukan pembedahan.

Oleh itu, sebahagian besar pakar bedah masa lalu kurang memberi perhatian atau tidak mengetahui cara yang lebih tepat, khususnya memegang peralatan pembedahan, seperti pisau dan gunting.

Bagaimanapun, kemajuan pesat teknologi perubatan berjaya menghasilkan teknologi yang lebih canggih kepada mereka yang terbabit secara langsung mengendalikan pembedahan.

Umpamanya, di Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia (HUKM) di Kuala Lumpur mempunyai makmal kemahiranurgeri yang paling moden dan terbaik di Asia Tenggara.

Makmal seumpama itu adalah yang pertama di negara ini dan mampu melatih doktor melakukan pembedahan menggunakan teknik yang lebih tepat.

Makmal berharga RM300,000 itu dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pertengahan tahun lalu.

Ketua Jabatan Surgeri HUKM, Prof Datuk Dr Haron Ahmad, berkata doktor dan paramedik memperoleh kemahiran yang tepat untuk menjalankan pembedahan dengan adanya makmal seumpama itu.

Beliau berkata, cara menjalankan pembedahan yang dipraktik selama ini bukan tidak tepat, tetapi dengan kewujudan makmal itu membantu doktor dan paramedik mendalami dan mempunyai kemahiran tinggi sebelum melakukan pembedahan sebenar.

Menerusi makmal kemahiran itu, doktor dan paramedik dapat melihat secara langsung kaedah melakukan pembedahan yang sedang dijalankan dari dewan bedah yang terletak jauh dari makmal itu.

"Ini kerana, makmal kemahiran ini mempunyai akses atau disambungkan kepada bilik seminar, audio visual dan dewan bedah. Justeru, doktor yang tidak ada di dalam makmal berpeluang melihat cara pembedahan," katanya ketika ditemui.

Prof Haron berkata, makmal yang membabitkan perbelanjaan kira-kira RM300,000 itu turut digunakan di United Kingdom, Amerika Syarikat, Hong Kong dan Jepun.

Beliau berkata, di makmal itu, pelajar akan mengetahui lebih terperinci mengenai kegunaan alat pembedahan, tujuan alat itu digunakan, mengenali jarum, benang digunakan dan kaedah pembedahan asas.

Ketika ini, menurutnya, HUKM sudahpun melatih enam tenaga pengajar yang mampu melatih pelajar mengikuti kemahiran bedah di makmal itu.

"HUKM juga bercadang melahirkan lebih ramai tenaga pengajar di bidang itu untuk membolehkan makmal kemahiran itu dimanfaatkan sepenuhnya oleh mereka yang mengikuti program sarjana surgeri," katanya.

Prof Haron berkata, ketika ini, HUKM mengendalikan kursus kemahiran surgeri melalui program sarjana surgeri luar kampus.

Katanya, kursus yang mula diadakan tahun lalu dijalankan dua kali setahun dan hanya mengambil masa tiga hari bagi setiap kursus. Bilangan penuntut terhad kepada 16 pelajar bagi satu-satu masa.

"Jika dulu cara memegang peralatan pembedahan seperti memegang pisau atau gunting sering bertukar, tetapi dengan adanya makmal kemahiran ini, doktor dan paramedik berpeluang menggunakan kaedah yang sebenarnya dan

boleh disampaikan pula kepada doktor muda lain.

"Kebiasaannya, doktor pelatih akan membantu pakar bedah mengendalikan operasi dan apabila pakar bedah mendapati doktor terbabit mula mahir, beliau akan melepaskannya untuk menjalankan pembedahan tanpa pengawasan.

"Keadaan ini berterusan biarpun kadangkala teknik yang tidak sama digunakan antara satu doktor dengan doktor lain. Bagaimanapun, dengan adanya makmal kemahiran, doktor berpeluang menggunakan cara yang sama ketika menjalankan pembedahan," katanya.

Beliau difahamkan, Kementerian Kesihatan akan mewujudkan makmal seumpama itu di beberapa lagi hospital kerajaan di seluruh negara secara berperingkat.

Menurutnya, makmal kemahiran yang mampu melatih lebih ramai doktor mengikuti program sarjana operasi luar kampus, menyebabkan HUKM bercadang meluaskan lagi penggunaan makmal itu di negara ini.

Katanya, penubuhan makmal itu juga dapat menyekat pengaliran wang ke negara asing kerana sebelum ini calon sarjana operasi mengikuti program seumpama itu di United Kingdom.

(END)